

CNS6138

U GB 07-12 003.67 BA686

aab

Mahathir - Dadah :

PERANAN KELUARGA DAN MASYARAKAT PENTING UNTUK CEGAH PENGGUNAAN DADAH I

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan pentingnya peranan keluarga dan masyarakat dalam usaha membanteras masalah dadah, sambil berkata gejala itu kini di tempat kedua sahaja di belakang penjualan senjata dalam perdagangan antarabangsa.

+Tidak ada sebuah negara atau masyarakat yang terkecuali daripada gejala itu, + katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perisidangan ke-14 Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan bagi Mencegah Penggunaan Dadah di sini.

Persidangan lima hari itu dihadiri oleh kira-kira 500 pakar daripada 20 negara termasuk Nepal, Bhutan, Mauritius, Mesir, Amerika Syarikat, India, Kanada, Sri Lanka dan negara-negara Asean.

Perdana Menteri berkata, masalah dadah kini meresapi setiap lapisan masyarakat dan kesan kemusnahannya daripada segi kehilangan nyawa, kos peluang, keretakan rumah tangga dan masyarakat adalah terlalu jelas.

+Masalah dadah terlalu meluas sehinggakan tidak ada sebuah negara yang dapat menyelesaikannya secara bersendirian. -- Lagi.

▼07/12/14-08MST

CNS6145

U GB 07-12 00142 BA687

aab

Mahathir - Dadah 2 Kuala Lumpur

+Hanya melalui usaha antarabangsa yang diselenggarakan dengan rapi boleh menghasilkan keputusan yang diharapkan, + katanya.

Dr Mahathir juga berkata masalah dadah kini semakin berbahaya kerana kaitannya dengan sindrom kurang daya tahan melawan penyakit (AIDS) memandangkan kejahilan di kalangan penagih dadah telah menyebabkan mereka semakin terjebak kepada penyakit bahaya itu.

+Dengan itu beban tanggungjawab semakin bertambah dalam usaha memerangi masalah penggunaan dadah dan pengedaran dadah, + katanya.

Beliau berkata: +Masalah itu sangat serius kerana adalah tidak mustahil bagi keseluruhan masyarakat dilenyapkan daripada muka bumi ini. +

Katanya, dadah tidak mengenal sempadan politik, tidak membezakan kelas, tidak ada etnik atau kumpulan, perkauman dan tidak ada dogma keagamaan. Golongan belia di kawasan luar bandar mungkin juga terbabit dalam pengambilan dadah, sama seperti rakan mereka di bandar. -- Lagi.

▼07/12/14-11MST

CNS6158

R GB 07-12 00130 BA688

bah

Mahathir - Dadah 3 Kuala Lumpur

Dalam erti kata lain, tidak ada sesiapa yang selamat daripada jangkauan gejala itu melainkan langkah-langkah awal diambil untuk menghalang penggunaannya, katanya sambil menambah bahawa pencegahan adalah penting kerana pengalaman silam menunjukkan apabila tabiat mengambil dadah dimulakan, adalah sukar untuk menghentikannya.

Dr Mahathir berkata: +Pencegahan sebenarnya bermula di rumah. Keluarga merupakan unit terpenting dalam memerangi masalah dadah.+

Masalah dadah sukar dikawal apabila sistem berkeluarga telah berpecah atau pengaruh keluarga tidak diperolehi, katanya.

+Peranan keluarga ialah untuk menanam nilai-nilai moral yang tinggi yang akan bertindak sebagai satu mekanisme pertahanan diri terhadap pengaruh dadah.+

Selain daripada keluarga, katanya, ialah masyarakat kerana masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai moral yang murni sukar diresapi gejala itu. --
Lagi.

▼07/12/14-45MST

Mahathir - Dadah 4 Kuala Lumpur

+Oleh itu, usaha memerangi masalah dadah perlu ditumpukan kepada peranan keluarga dan masyarakat,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, negara ini tidak bergantung kepada ketegasan undang-undang semata-mata dalam usahanya membanteras gejala dadah.

Program-program pencegahan dilaksanakan menerusi pendidikan di sekolah-sekolah dan penyebaran maklumat kepada orang ramai, katanya sambil menambah bahawa setiap anggota masyarakat perlu ditanamkan dengan perasaan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat.

Di Malaysia, katanya, mereka yang bergantung kepada dadah dicap sebagai orang yang mempunyai masalah yang memerlukan rawatan dan pemulihan dan tindakan kerajaan mempunyai kedua-dua komponen rawatan dan penahanan.

Beliau yakin Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) boleh dan perlu memainkan peranan penting dalam bidang pencegahan dan rawatan. --
Lagi.

▼07/12/14-45MST

CNS6162

R GB 07-12' 00096 BA690

bah

Mahathir - Dadah 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Selaras dengan tema persidangan +Bersatu - Ke Arah Masyarakat Yang Bebas Daripada Dadah+, NGO perlu bekerjasama dengan kerajaan untuk menggembungkan usaha ke arah matlamat itu, katanya.

Beliau berkata: +Sebagai pertubuhan yang bekerjasama rapat dengan masyarakat, NGO berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menyampaikan mesej kepada kumpulan-kumpulan yang mudah terjebak kepada masalah dadah.+

NGO tidak boleh sekadar bertemu dan membuat cadangan, katanya, sebaliknya mereka perlu menghasilkan program-program khusus yang boleh dilaksanakan dengan menggunakan sumber-sumber mereka sendiri. -- Bernama .

▼07/12/14-48MST